

Tajuk : Pergaulan member ruang graduan berdampingan dengan masyarakat

Pergaulan memberi ruang graduan berdampingan dengan masyarakat



BETONG: Dalam usaha membentuk sahsiah terbaik pelajar meneruskan pendidikan akademik di universiti, pergaulan perlu bagi memberi ruang graduan untuk berdampingan dengan masyarakat dan mengenali keadaan persekitaran untuk menambah pengetahuan menempuh masa akan datang.

Justeru itu, Kampung Melayu Betong sekali lagi menjadi pilihan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk dijadikan penempatan Program Keluarga Angkat bagi menempatkan graduan universiti tersebut dalam usaha membentuk keperibadian mereka.

Penghulu Kampung Melayu Betong, Abang Zawawie Rajit berkata ini merupakan program kerjasama antara kedua-dua

pihak iaitu universiti dan masyarakat kampung untuk bergabung menjalankan program bersama di samping memberi ruang kepada graduan terbabit mengenali adat resam masyarakat setempat.

“Pemilihan tarikh 23 hingga 25 November ini amat tepat kerana musim cuti persekolahan yang baharu bermula, justeru memberi kesempatan pelajar-pelajar sekolah turut serta dalam setiap aktiviti yang dijalankan nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Sekolah Kebangsaan (SK) Abang Abdul Kadir Betong di Dewan Sri Abadi sekolah tersebut di sini kelmarin.

Tambah beliau, ibu bapa atau keluarga yang bersedia mengambil anak angkat kalangan graduan terbabit boleh memaklumkan kepada beliau untuk disenaraikan dalam

program tersebut.

“Saya percaya penduduk di sini pernah dan masih ingin untuk turut serta dalam program seumpama ini dan tidak kurang ada yang bersedia untuk menyertai program bersama UNIMAS itu.

Katanya, program itu dapat memberi semangat kepada pelajar-pelajar yang masih di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk mengikut langkah graduan yang telah berjaya melangkah ke menara gading.

Beliau menambah untuk peningkatan pembelajaran anak-anak ibu bapa perlu bekerjasama dengan pihak sekolah untuk memajukan pendidikan anak mereka termasuk menyediakan anak-anak dengan kelengkapan serta didikan moral yang sempurna demi kemajuan pembelajaran masa hadapan.

“Ajar anak-anak dengan didikan yang sempurna serta akhlak yang mulia. Ini jelas

apabila anak-anak mendapat didikan awal yang terbaik akan berjaya,” tegas beliau.

“Pelajar juga tolong jaga adab sopan, hormat dan jangan biadap terhadap guru-guru yang mendidik sehingga kita berjaya mengenali pendidikan dan alam persekolahan yang sebenar.

Seramai 65 orang murid-murid Tahun Enam menerima sijil tamat sekolah rendah.

Turut disampaikan hadiah kecemerlangan kanak-kanak prasekolah untuk seramai 47 kanak-kanak manakala 100 penerima hadiah kecemerlangan dalam kelas masing-masing.

Selain itu turut disampaikan sijil penghargaan pengawas sekolah dan sijil penghargaan ketua kelas.

Turut hadir Timbalan Yang Dipertua PIBG SK Abang Abdul Kadir Betong, Allen Sambau, Ketua-ketua kampung, guru-guru serta para ibu bapa.

TAHNIAH: Salah seorang murid menerima hadiah pada majlis tersebut.